

25 MAR 1997

Abdullah-Jepun

M'SIA DAN JEPUN BERSETUJU PERLU ADA REFORMASI PBB

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 25 Mac (Bernama) -- Jepun menyambut baik inisiatif presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Tan Sri Razali Ismail dari Malaysia, bagi pembaharuan ke atas badan dunia itu, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata Jepun dan Malaysia bersetuju bahawa perlu ada usaha untuk menjadikan PBB lebih demokratik dan telus dan tidak dikuasai oleh sesebuah negara sahaja.

Ketika bercakap dengan wartawan Malaysia selepas mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Yukihiko Ikeda, Abdullah berkata Jepun berkongsi pendapat dengan Malaysia bahawa perbincangan terhadap cadangan Razali itu harus diteruskan.

"Kita tidak boleh membiarkannya tergelincir oleh tindakan sesebuah negara yang mempunyai kepentingannya sendiri," katanya.

Abdullah tidak menamakan negara itu tetapi ia adalah jelas bahawa beliau merujuk kepada Amerika Syarikat dan kuasa vetonya.

Razali telah mengemukakan satu kertas cadangan, yang antara lain, meminta supaya dikaji semula kuasa veto lima anggota tetap majlis keselamatan, menambah keanggotaan majlis keselamatan dan dikaji semula pertalian antara majlis dan perhimpunan agung.

Malaysia, yang telah mengkritik sistem PBB yang sedia ada, telah melahirkan sokongan bagi inisiatif itu.

Abdullah dan Ikeda mengadakan perbincangan merangkumi pelbagai tajuk sehari sebelum pertemuan rasmi antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Ryutaro Hashimoto.

Selain membincangkan isu-isu dua hala dan PBB, kedua-dua menteri juga memaklumkan mengenai perkembangan terbaru berhubung Asean, Myanmar dan keadaan di semenanjung Korea.

Abdullah berkata Jepun tidak sabar-sabar lagi menunggu respon Asean terhadap cadangannya untuk diadakan pertemuan peringkat ketua kerajaan tujuh-campur-satu (tujuh negara anggota Asean dan Jepun).

"Perkara ini akan dibincangkan oleh menteri-menteri luar Asean secepat yang mungkin," katanya.

Asean dan Jepun telah ada mesyuarat tujuh-campur-satu di peringkat menteri sebagai sebahagian daripada Mesyuarat Menteri Asean (AMM) dan persidangan selepas mesyuarat (PMC).

Mengenai Myanmar, Abdullah berkata Ikeda memaklumkan kepadanya bahawa Jepun menyerahkan kepada Asean untuk memutuskan sama ada untuk menerima negara itu ke dalam Asean tetapi berharap bahawa keanggotaan dalam Asean tidak akan memberi Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Kesatuan Myanmar (SLORC) kesahan untuk menindas pembangkang.

Abdullah berkata hubungan Malaysia-Jepun telah berkembang ke tahap di mana kedua-dua negara kini menganggap satu sama lain sebagai rakan kongsi dan tidak lagi sebagai penerima bantuan dan pemberi bantuan.

"Kita telah mencapai satu peringkat di mana kita kini berbincang untuk kita mengadakan usahasama di negara-negara ketiga," katanya.

Ketika Malaysia berkembang dan menjadi lebih mewah, negara ini menjadi semakin penting kepada Jepun sebagai sebuah pasaran bagi produk-produk yang lebih mahal, katanya. -- BERNAMA

SJ AKD